

# Konflik dan Penyelesaian dalam Menjaga Kualiti Pendidikan Pelajar Selepas Pemansuhan UPSR dan Peningkatan Tahap Silibus

Siti Nur Fatimah, Balqis Batrisyia Noor Hisham, Larenia A/P Oam Sivalingam, Dionysia Grace Pailin, Fatin Najwa Hashim, Mazni Mustapha.\*  
Universiti Malaysia Sabah

\*Corresponding author's email: [masni@ums.edu.my](mailto:masni@ums.edu.my)

*Dihantar: 1 Dec 2024 / Diterima: 1 Dec 2024*

*Received date: 1 Dec 2024 / Accepted date: 1 Dec 2024*

*Published date: 18 Dec 2024*

**Abstrak.** Pemansuhan UPSR, seiring dengan peningkatan tahap silibus dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah satu perubahan besar yang masih berada di takuk penyesuaian dalam kalangan pendidik sekolah rendah dan ibu bapa, serta murid-murid. Kajian terdahulu terhadap keberkesanan menggunakan sistem Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menunjukkan reaksi yang kurang memuaskan dalam kalangan pendidik dan juga ibu bapa akibat kurangnya keyakinan terhadap sistem PBD ini, kekeliruan dalam pelaksanaan dan kurang kemahiran dalam mengendalikan sistem ini secara berkesan. Kajian temubual secara separuh berstruktur telah dijalankan ke atas tiga orang guru sekolah rendah dan tiga orang ibu bapa kepada murid di Tahun 6 di beberapa negeri di Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa masih kurang memahami motif pemansuhan UPSR dan sejauh mana penilaian baharu (PBD) ini boleh mengukur pencapaian akademik anak-anak mereka. Guru-guru pula berpendapat bahawa perubahan ini sebagai sesuatu yang perlu diterima dan sedar mengenai cabaran yang perlu mereka hadapi, iaitu pengubahsuaian terhadap keadah penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) agar sejajar dengan peningkatan silibus. Walaupun pemansuhan UPSR mengurangkan beban kerja dan kesihatan mental pelajar, kesediaan dalam kalangan ibu bapa masih berada di tahap yang rendah. Justeru, pelaksanaan proses P&P yang berkesan adalah sangat kritikal bagi memastikan kualiti pendidikan di Malaysia yang lebih baik.

**Kata kunci:** Pemansuhan UPSR, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Sekolah rendah, Ibu bapa, Tahun 6

**Abstract.** The abolishment of UPSR, in conjunction with the rise of syllabus complexity represents a substantial shift, which is still in adaptation phase among primary school educators and parents, as well as students. Previous research on the effectiveness of utilizing Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) showed unsatisfying reactions among the educators and parents due to being doubtful on the system's legitimacy, uncertainty on implementation, and insufficient skills in managing the system effectively. A semi-structured interview has been carried out on three primary school teachers and three parents of Year 6 pupils in a few states of Malaysia. Results showed that parents were still unclear about the motive behind the abolishment of UPSR and the extent to which the new assessment (PBD) could measure the academic achievement of their children. The teachers, on the other hand, viewed this transformation as undeniably accepted and aware of the challenges that they need to face, i.e. the modifications to the delivery techniques in teaching and learning (T&L) so that align with the advancement of syllabus. Even though the abolishment of UPSR would decrease workloads and mental health of students, parents' readiness is still at low level. Hence, effective processes of T&L are critical to ensure a better quality of education in Malaysia.

**Keywords:** : Abolishment of UPSR, Classroom Assessment, Primary School, Parents, Year 6

UPSR mula diperkenalkan pada tahun 1988 bagi menggantikan Penilaian Darjah Lima dengan mengambil lima subjek yang wajib iaitu subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan subjek Bahasa Tamil atau Bahasa Cina atau Pendidikan Islam. Tujuan asas UPSR diperkenalkan adalah untuk 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul (Dewi Nur Harasha, 2023). Pada 28 April 2021, Menteri Pendidikan Malaysia iaitu Datuk Dr Mohd Radzi Jiddin telah mengumumkan bahawa UPSR telah dimansuhkan dan akan digantikan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (Arumugham & Ariffin, 2021). Antara sebab pemansuhan UPSR ini berlaku adalah kerana pihak Kementerian

Pelajaran Malaysia (KPM) mahu pendidikan di Malaysia ini bergerak ke arah negara yang lebih maju, dan membekalkan negara dengan modal insan dalam pelbagai kepakaran (Bernama, 2022). Mereka mahu murid-murid sekarang bukan sahaja berjaya di dalam akademik tetapi juga mempunyai pelbagai kemahiran yang telah diasah dari awal lagi agar mereka dapat memimpin dunia dengan lebih baik di masa hadapan. PBD ini sudah lama dilaksanakan iaitu pada tahun 2011 dan dahulunya dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah (PS) dan pada tahun 2016, istilah tersebut ditukar kepada PBD. Pelaksanaan PBD adalah dengan pentaksiran terus semasa PdP berjalan bagi semua mata pelajaran. Guru akan memerhatikan

perkembangan murid secara menyeluruh semasa PdP. Guru akan melihat penulisan dan lisan murid melalui kerja projek, kuiz, pembentangan dan sejauh mana murid itu melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dilakukan.

Dengan itu, sejajar dengan pemansuhan UPSR dan pelaksanaan PBD peningkatan silibus dalam subjek-subjek di sekolah rendah juga berlaku sehingga membuatkan murid-murid mengalami kesukaran dalam mempelajari sesuatu subjek itu. Hal ini termasuklah mempelajari sukatan pembelajaran bukan di tahap yang sepatutnya (contoh: pelajar Tahun 6 mempelajari silibus pelajar Tingkatan 1). Menurut Ahmad Muhamad (2021), dalam soal silibus yang didakwa menekan murid ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengambil perhatian dengan berbincang dan semak mana yang perlu serta diperbaiki.

Oleh itu, ini memberikan cabaran kepada guru untuk mengajar dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi ini. Selepas pemansuhan UPSR, cabaran yang perlu dihadapi oleh guru adalah lebih besar kerana murid-murid akan lebih leka disebabkan tiada peperiksaan besar seperti UPSR. Bukan sahaja guru, malah ibu bapa juga turut merasa cabaran itu kerana ianya akan membuatkan anak mereka berasa malas untuk belajar. Kemalasan ini pula mencanak apabila mereka tidak dapat mencapai objektif pembelajaran disebabkan tahap kesusahan dalam topik pembelajaran harian, sehingga membunuh lagi motivasi dan menyebabkan keciciran. Hal ini semua terbukti daripada hasil temubual kami bersama beberapa orang guru dan ibu bapa kepada murid darjah enam.

Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan warga pendidik kerana perubahan baharu akan membebankan guru. Menurut Arumugham dan Ariffin (2021), sebahagian besar guru besar sekolah rendah kurang bersetuju dengan pemansuhan UPSR kerana mereka kurang memahami sepenuhnya pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Didapati bahawa 95.83% guru besar kurang bersetuju dengan pemansuhan PBD.

Menurut Annaliza Mohd Isa et al. (2020), autonomi guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan PBD. Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti guru masih memilih untuk menjalankan peperiksaan selaras tahunan untuk menilai murid. Pelaksanaan peperiksaan ini adalah sepenuhnya mengikut kehendak guru tersebut dan ini menunjukkan guru tersebut mempunyai autonomi yang tinggi. Cabaran autonomi ini telah disimpulkan dalam dua perspektif yang berbeza dalam kajian ini. Pertama, jika seseorang guru itu mempunyai autonomi yang rendah maka ia akan menyebabkan motivasi guru dan prestasi guru itu menurun dan secara tidak langsung akan mengganggu pelaksanaan PBD kerana merencatkan kreativiti guru tersebut. Manakala, jika guru itu mempunyai autonomi yang tinggi, ini akan berpotensi untuk menimbulkan bias dalam penilaian PBD kerana penilaian murid tertakluk kepada pendapat guru itu sepenuhnya. Kesimpulannya, autonomi guru harus diberi perhatian oleh pihak sekolah supaya pengajaran berada dalam landasan yang betul dan selari dengan garis panduan PBD.

Selain itu, Mustaqim Roslan (2024) menyatakan bahawa terdapat tiga kaedah yang digunakan

oleh guru untuk menilai murid-murid. Antaranya, adalah pemerhatian, penulisan dan lisan. Namun, ketiga-tiga kaedah ini didapati sangat subjektif untuk menentukan tahap penguasaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penilaian murid menggunakan kaedah PBD adalah tidak adil kerana kaedah yang sangat subjektif. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan agar kaedah PBD perlulah dilihat kembali agar penilaian murid berlaku secara selaras dan adil.

Menurut Arumugham (2020), para guru masih memerlukan pemantauan dan bimbingan yang berterusan untuk memastikan mereka dapat memahami cara pelaksanaan PBD. Melalui kajian ini, pengkaji berjaya memberi gambaran bahawa ada kalangan guru yang melaksanakan PBD bermotifkan untuk pembelajaran manakala ada guru yang memberi penekanan terhadap tahap penguasaan. Walaupun, kedua-dua aspek ini mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan PBD namun tumpuan terhadap tahap penguasaan menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada proses pembelajaran. Oleh hal yang demikian, guru-guru masih memerlukan bimbingan dalam pelaksanaan PBD agar kedua-dua aspek penting dapat diberikan perhatian yang sama.

Lee Hoi Yeh (2021) telah menyatakan bahawa kebanyakan guru masih kurang bersedia dalam pelaksanaan PBD untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) yang selama ini sebagai mata pelajaran elektif dan tidak dititikberatkan. Beliau telah menekankan isu guru bukan opsyen PSV dalam kajian beliau. Secara tidak langsung, pelaksanaan PBD ini membebankan lagi guru bukan opsyen PSV kerana mereka bukan sahaja kurang pemahaman tentang PBD tetapi mereka tidak mempunyai kemahiran yang secukupnya untuk menilai murid dalam matapelajaran PSV. Oleh hal yang demikian, beliau mencadangkan mekanisme penyelarasan dan pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan PBD ini.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tentang konflik yang dihadapi oleh guru dan ibu bapa akibat pemansuhan UPSR sejajar dengan peningkatan tahap silibus. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengkaji tentang persepsi ibu bapa dengan lebih mendalam tentang isu ini. Dengan adanya kajian ini, kita akan mengetahui bagaimana isu ini dapat diselesaikan.

## Metod

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif. Pengkaji melakukan penerokaan terhadap fenomenologi pemansuhan UPSR dan peningkatan silibus secara lebih mendalam sehingga mencapai satu perspektif khusus di atas kesannya kepada guru, ibu bapa terhadap murid didikan dan anak mereka.

### Persampelan Kajian

Responden yang ditemu bual adalah dipilih secara pelbagai melalui persampelan bertujuan. Seramai tiga (3) orang guru sekolah rendah yang mengajar di tahap dua yang mempunyai pengalaman menjadi guru lebih daripada lima tahun dan dua (2) orang ibu atau bapa yang

mempunyai anak yang sedang berada di tahun enam dipilih menjadi responden. Untuk tujuan analisis, responden dikodkan seperti yang berikut:

Responden Guru 1 berumur 33 tahun: G1-33  
Responden Guru 2 berumur 32 tahun: G2-32  
Responden Guru 3 berumur 50 tahun: G3-50  
Responden Ibu Bapa 1 berumur 49 tahun: I1-49  
Responden Ibu Bapa 2 berumur 54 tahun : I2-54

## Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan dalam sempadan Malaysia. Responden adalah berasal daripada Sabah dan Semenanjung Malaysia. Pemilihan responden juga meliputi kedudukan geografi responden, seperti memilih guru di sekolah bandar dan pedalaman bagi melihat perkaitannya kepada kesediaan fasiliti dan kemudahan yang kondusif kepada pelajar-pelajar mereka.

## Tatacara dan Instrumen Kajian

Temu bual dilakukan secara atas talian dan bersemuka. Masa dan medium yang dipilih adalah mengikut keselesaan, kelapangan dan kesediaan responden. Temubual yang dijalankan adalah separa berstruktur di mana soalan yang diberikan adalah berdasarkan set soalan yang ditetapkan. Temu bual separa formal dijalankan sepenuhnya menggunakan Bahasa Melayu. Temu bual adalah berjangka separa pendek dengan mengambil masa selama 20-30 minit. Sebelum mengutarakan soalan, responden dimaklumkan mengenai etika dan kerahsiaan. Set soalan yang disediakan adalah berbeza antara guru dan ibu bapa, namun kedua-dua set soalan ini mempunyai empat bahagian berteraskan objektif yang sama iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Mendalami Konflik dalam pemansuhan UPSR dan peningkatan tahap silibus) dan Bahagian C (Menerokai cara mengatasi konflik). Soalan yang dikemukakan kepada responden guru dan ibu bapa adalah sebanyak 13 soalan berbentuk soalan terbuka

## Analisis Data

Data yang diperoleh daripada sesi temu bual mendalam ditaip semula dalam bentuk transkrip. Setiap transkrip akan dibaca secara teliti, menggariskan isi-isi penting. Isi-isi yang telah disusun dan diekstrak mengikut turutan soalan yang digunakan dalam temu bual tersebut. Kaedah analisis kualitatif yang digunakan ialah kaedah analisis Tematik. Kaedah ini digunakan kerana membolehkan penyelidik mengenal pasti keperluan yang penting berhubung dengan topik tertentu dan persoalan kajian yang sedang diterokai.

## Dapatan Kajian

### Tema 1: Persepsi ibu bapa dan guru terhadap pemansuhan UPSR dan peningkatan silibus

#### Soalan 1

*Apakah pendapat anda tentang pemansuhan UPSR?*

Pemansuhan UPSR pada sesi 2021 menerima pelbagai reaksi daripada guru dan ibu bapa dengan beberapa pihak tidak bersetuju dengan perubahan tersebut.

G1-33 “*Saya dapati bahawa pelajar hilang fokus untuk belajar dan datang ke sekolah hanya untuk bermain semata-mata. Ini menyebabkan para pelajar tiada hala tuju dan kemudian tiada persaingan.*”

Pada sisi lain, terdapat juga responden yang bersetuju dengan pemansuhan UPSR kerana percaya bahawa pemahaman murid terhadap silibus tidak hanya boleh dinilai melalui pentaksiran bertulis seperti peperiksaan.

G3-50 “*Saya setuju dengan pemansuhan UPSR kerana percaya murid perlu mendapatkan pendedahan kepada pelbagai jenis pengetahuan dan tidak terikat dengan idea belajar hanya untuk peperiksaan.*”

#### Soalan 2

*Apakah kebaikan dan keburukan pemansuhan UPSR?*

Walaupun pemansuhan UPSR menerima lebih banyak reaksi negatif, ia juga membawa kebaikan dengan mengurangkan beban kerja guru dan membolehkan fokus pada pendidikan yang lebih bermakna. Selain itu, murid dapat menonjolkan kreativiti, mengembangkan bakat, hobi, dan minat tanpa tekanan peperiksaan.

G3-50 “*Memberi peluang kepada murid untuk mengeksplorasi bidang ilmu yang berbeza dan mengurangkan tekanan akademik serta kesihatan dalam keluarga mereka.*”

I2-54 “*Murid tidak perlu menghadapi tekanan dan stres yang biasanya berkaitan dengan peperiksaan, termasuk menghadiri kelas tambahan yang melelahkan.*”

Hal ini menunjukkan pelbagai pandangan responden terhadap pemansuhan UPSR, termasuk kelebihan untuk guru dan murid serta pandangan kritikal terhadap perubahan sistem pendidikan.

### Tema 2: Motivasi dan prestasi pelajar dalam menghadapi pemansuhan UPSR dan peningkatan silibus

#### Soalan 1

*Bagaimana motivasi dan pendekatan pelajar terhadap akademik pada masa kini?*

Pembubaran UPSR menyebabkan pelajar kehilangan motivasi belajar. Responden menyatakan ketiadaan hala tuju dan target sebagai punca utama.

G1-33 “*Mereka tiada tujuan bila UPSR diamansuhkan, dah tiada target dan tiada perasaan takut untuk gagal dalam peperiksaan.*”

Terdapat responden yang berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19 menjejaskan motivasi pelajar. Pelajar kurang fokus kerana sibuk dengan gadget semasa kelas atas talian.

I2-54 *“Cenderung terlibat dalam aktiviti seperti bermain game dan kurang minat terhadap pembelajaran formal, terutama apabila menyentuh topik yang dianggap susah seperti soalan KBAT”*

Motivasi dan pendekatan pelajar terhadap pembelajaran berbeza-beza disebabkan pengenalan PBD, perubahan cara pembelajaran semasa pandemik, dan pengaruh teknologi. Guru memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat dan respon pelajar berdasarkan pengalaman dan pemerhatian masing-masing.

**Soalan 2**  
**Bagaimana prestasi akademik anak anda setakat ini? (Ibu bapa)**

Cabaran dalam penilaian dan prestasi akademik anak-anak termasuk kebingungan terhadap sistem penilaian baru, kesulitan belajar dalam bahasa yang tidak difahami, dan perbezaan tahap prestasi anak-anak.

I1-49 *“Setakat ini, mereka punya pembelajaran ini gred-gred semua dah takde dah. Mereka punya pembelajaran semua T1, T2 macam itu. Kami sebagai ibu bapa kami tak faham semua tu.”*

I2-54 *“Anak saya ni sekolah cina, tiada berapa faham juga lah dia dalam Bahasa Cina. Saya tengok buku-buku teks dan aktiviti dia kebanyakan dalam Bahasa Cina lah. Jadi bila dia kurang fasih dalam Bahasa Cina ini, ini akan menyebabkan dia lah kurang faham tentang konteks pembelajaran tu.”*

Setiap respons memberikan perspektif yang berharga tentang pengalaman peribadi dan keperihatinan sebagai ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka.

**Soalan 3**  
**Adakah pencapaian akademik anak-anak penting kepada anda? (Ibu bapa)**

Kesemua responden menekankan kepentingan pencapaian akademik anak-anak mereka. Mereka ingin memastikan anak-anak mencapai potensi terbaik, melihat pendidikan sebagai asas kemajuan, dan memahami pentingnya kualifikasi untuk berjaya dalam dunia yang kompetitif.

I2-54 *“Pendidikan ni lah yang akan membawa anak-anak kita kan ke peringkat yang lebih tinggi lah. Contohnya dapat masuk universiti.”*

I3-38 *“Pencapaian akademik anak-anak itu penting untuk masa depan mereka terutama sekali kerana taraf hidup yang semakin meningkat.”*

Kesimpulannya, responden menekankan pentingnya pencapaian akademik anak-anak untuk masa depan yang cerah dan sukses, mencerminkan harapan dan kepedulian terhadap pendidikan mereka.

**Tema 3: Cabaran yang dihadapi ibubapa dan guru selepas pemansuhan UPSR dan peningkatan silibus**

**Soalan 1**  
**Apakah cabaran atau konflik yang dihadapi semasa pemansuhan UPSR?**

Pembaharuan menimbulkan konflik dalam penguasaan subjek oleh murid. Terdapat kebimbangan tentang pentingnya penguasaan subjek teras dan kesukaran memastikan pentaksiran yang adil.

G1-32 *“Cabaran utama yang dihadapi guru setelah pemansuhan UPSR, yang meliputi keperluan untuk memastikan bahawa murid-murid menguasai subjek teras seperti BM, BI, Matematik, dan Sains dengan baik”*

Ketiadaan UPSR menyukarkan ibu bapa menilai prestasi anak mereka dengan jelas. Selain itu, mereka bimbang mengenai persiapan anak-anak untuk melangkah ke sekolah menengah tanpa penilaian yang tepat.

I2-54 *“Cabaran kami sebagai ibu bapa, kami tidak dapat memastikan lah prestasi pendidikan anak-anak kami dan adakah okay ataupun tidak”.*

Majoriti responden menggariskan kebimbangan dan cabaran selepas pemansuhan UPSR dan pengenalan PBD, menunjukkan kompleksiti perubahan dalam sistem pendidikan.

**Soalan 2**  
**Adakah anda faham tentang PBD, dan adakah penilaian ini memberi kesan kepada motivasi dan akademik anak-anak? (Ibu bapa)**

Pemahaman terhadap PBD berbeza-beza, dengan terdapat responden masih tidak sepenuhnya memahami pelaksanaannya.

I1-49 *“Saya tidak pasti, sebab tidak paham kementerian nak apa sebenarnya.”*

Manakala ada yang berpendapat bahawa PBD memberi impak negatif terhadap motivasi pelajar kerana pentaksiran tidak lagi berdasarkan peperiksaan.

I3-38 *“Sekiranya murid tersebut cemerlang dalam matapelajaran tetapi jika dia kurang bergaul atau pendiam di dalam kelas, markah PBD nya tidak mencapai kepada TP5 atau TP6. Untuk mendapatkan TP5 @ TP6 murid perlu cemerlang dlm pelajaran serta dapat menunjukkan sikap yang baik kepada rakan-rakan serta guru.”*

Di sisi lain, PBD dilihat sebagai peluang untuk pelajar meneroka bidang ko-kurikulum dan bakat lain.

I2-54 “Murid tidak hanya fokus kepada akademik sahaja sebab skills pelajar pun diutamakan. Macam anak saya ni, aktif betul dalam sukan dan kokurikulum. Contohnya, dia ikut pertandingan ping-pong, bola tampar.”

Responden menunjukkan pandangan berbeza tentang PBD dan kesannya terhadap motivasi serta prestasi akademik anak-anak. Mereka menyuarakan pelbagai kekhawatiran dan harapan terhadap sistem pendidikan ini.

### Soalan 3

**Apakah perbezaan cara baru dan cara pengajaran sebelum pemansuhan UPSR, dan apakah cabaran apabila menggunakan penilaian ini kepada pelajar? (Guru)**

PBD mengubah pendekatan pembelajaran dengan menekankan interaksi lang langsung antara guru dan murid di dalam bilik darjah. Ini bertujuan untuk mencapai nilai Tingkatan Prestasi (TP) yang tinggi.

G1-33 “Penilaian dilaksanakan melalui interaksi murid dengan guru di dalam bilik darjah. Jadi untuk mendapatkan nilai TP yang tinggi, murid perlu berinteraksi dengan aktif ketika guru melaksanakan aktiviti ataupun sesi pembelajaran.”

Sebaliknya, fokus pengajaran selepas pemansuhan UPSR beralih dari persiapan peperiksaan kepada aktiviti praktikal dan pembelajaran kolaboratif, walaupun terdapat kesukaran dalam menjaga integriti penilaian.

G2-32 “PBD lebih bermasalah sekiranya pihak atasan mahu lihat keputusan yg baik-baik saja. TP yang baik - baik saja. Maka, TP akan ditulis dengan baik-baik juga walau hakikatnya murid tak mencapai TP standard yang sepatutnya.”

Di sisi lain, terdapat perubahan dari pendekatan penguasaan bahan pembelajaran ke pentaksiran yang lebih fleksibel dan responsif terhadap perkembangan harian murid.

G3-50 “Kalau PBD, Keputusan pentaksiran boleh dilihat on the spot dalam lesson 1 jam, kerana itu kehadiran adalah sangat penting. Jadi intervensi dijalankan macam mana? Selepas mengajar, guru kena rekod perkembangan harian murid. If ada murid yang tidak mencapai objektif, isu dan intervensi boleh segera dirancang.”

Walaupun pandangan tentang PBD berbeza, semua responden bersetuju bahawa ia menawarkan gambaran menyeluruh tentang kemajuan murid dan membolehkan intervensi yang tepat waktu.

### Soalan 4

**Apakah kesan kepada anda sebagai seorang guru dan pelajar apabila silibus yang digunakan semula lebih advance dan susah pada masa kini?**

Semua responden sepakat bahawa silibus yang lebih advance menimbulkan cabaran besar bagi guru dalam menyesuaikan teknik pengajaran dan memastikan semua murid dapat mengikuti pelajaran. Mereka menekankan pentingnya sokongan berterusan dari guru, kerana silibus yang terlalu advance boleh menyebabkan pelajar kurang memahami, hilang motivasi, dan sukar menguasai kemahiran asas.

G1-33 “Silibus yang lebih advance menimbulkan cabaran besar kepada murid-murid yang belum mahir dalam kemahiran asas, seperti menulis, sehingga menyebabkan mereka kehilangan motivasi dan fokus dalam pembelajaran. Bagi guru, cabaran terletak pada perluasan teknik pengajaran untuk menyokong kepelbagaian kemampuan murid dari aras rendah hingga tinggi.”

Di sisi lain, kesan silibus yang lebih advance terhadap guru termasuk pertambahan kerja, seperti perlu mengkaji topik baru dan menyediakan aktiviti menarik untuk kelas.

G3-50 “Beban kerja tambahan yang ditanggung oleh guru untuk memahami dan menyampaikan kandungan pelajaran yang lebih advance, sambil juga menghadapi cabaran seperti kecanduan gadget di kalangan murid akibat penggunaan yang meluas dalam menyiapkan tugas menggunakan Internet.”

Walaupun pandangan tentang kesan silibus advance berbeza, semua setuju bahawa sokongan guru dalam proses pembelajaran yang kompleks adalah sangat penting.

## Tema 4: Cara mengatasi cabaran dan konflik dalam menghadapi pemansuhan UPSR dan peningkatan silibus

### Soalan 1

**Bagaimana anda beradaptasi dengan pembaharuan (pentaksiran PBD) dan cara memberi bimbingan kepada pelajar/anak?**

Guru-guru bersetuju bahawa adaptasi terhadap perubahan sistem pendidikan memerlukan usaha berterusan dan pendekatan yang berbeza. Mereka menekankan kepentingan mempelajari topik baru, mengubah gaya pengajaran, dan mengikuti perkembangan teknologi serta penilaian baru seperti UASA.

G1-33 “Untuk beradaptasi, kami sebagai guru perlu belajar tentang suatu topik dengan teliti dan cari cara untuk bentuk penilaian, kalau dah tahu apa penilaian yang nak dilaksanakan perlu tahu cara mau rekod penilaian atau bukti, tidak boleh sembarangan.”

G2-32 “Teruskan sambil berusaha tukarkan gaya dan penerapan dalam pdpc. Bagi memudahkan murid faham konsep dan menambah minat murid terhadap pdpc. Banyakkan hands-on activity.”

Ibu bapa bersetuju bahawa pusat tuisyen adalah penting dalam menghadapi perubahan sistem pendidikan dan silibus yang lebih mencabar. Mereka melihat tuisyen sebagai cara untuk mengatasi cabaran penilaian baharu, memastikan konsistensi belajar, dan menyediakan bantuan tambahan dalam subjek sukar.

I2-54 "Saya ada hantar anak saya juga lah pergi tuisyen supaya dia dapat meluangkan masa lah untuk belajar. Kesan dia setakat ni masih dalam progres, prestasi anak saya ni pun ada kurang ada naik lah."

I3-38 "Untuk anak-anak yg berada di tahap 2, sediakan tuisyen kerana ada beberapa subjek seperti matematik terlalu sukar diajar oleh ibubapa. Bagi subjek lain boleh merujuk youtube atau platform lain di internet."

Secara keseluruhan, guru menekankan penyesuaian dalam pendekatan pengajaran, termasuk penggunaan teknologi dan latihan, untuk adaptasi terhadap sistem penilaian baru. Ibumama pula menggunakan tuisyen dan sumber pembelajaran dalam talian untuk membantu anak – anak menghadapi silibus baharu.

**Soalan 2**  
**Bagaimana anda beradaptasi dengan pembaharuan (perubahan silibus) ini? Bagaimana kerjasama ibubapa dan sekolah memainkan peranan dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam bilik darjah? (Guru)**

Komunikasi yang efektif antara sekolah dan ibu bapa adalah kunci untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Perjumpaan awal tahun dan penggunaan WhatsApp untuk memaklumkan perkembangan murid membantu ibu bapa tetap mengikuti pembelajaran tanpa perlu hadir ke sekolah.

G2-32 "Bagi saya, saya sentiasa bekalkan 5 soalan mengikut aras rendah, sederhana dan tinggi. Dan akan war-warkan dalam group WhatsApp kelas anak-anak murid. Untuk makluman ibu bapa."

G3-50 " WhatsApp digunakan untuk updates perkembangan pembelajaran anak-anak."

Pendekatan ini memudahkan ibu bapa mengikuti perkembangan anak dan meningkatkan keterlibatan mereka dalam pendidikan. Teknologi seperti WhatsApp menyokong kerjasama antara sekolah dan ibu bapa, menjadikan pembelajaran lebih telus dan efisien.

**Soalan 3**  
**Bagaimana anda mengurus pelajar-pelajar yang lemah dari segi akademik pada masa kini? (Guru)**

Pendekatan kreatif digunakan untuk membantu pelajar lemah dengan menyesuaikan teknik pengajaran berdasarkan minat mereka dan mengubah kaedah sehingga pelajar memahami konsep.

G1-33 "Kami akan guna kaedah pengajaran yang berbeza. Kalau macam contoh pengajaran ni dia tidak sesuai untuk mengajar murid kelas ini, kami akan ubah lagi sampai lah diorang boleh tangkap apa yang kami ajar."

Selain itu, kerjasama antara rakan sebaya digunakan di mana pelajar yang lebih pandai membimbing rakan yang lemah.

G3-32, "Rakan pandai bimbing rakan lemah."

Secara keseluruhan, guru menggunakan pelbagai pendekatan berfokus pada keperluan individu murid untuk membantu mereka memahami dan menguasai konsep. Pendekatan kreatif dan kerjasama antara rakan sebaya adalah strategi utama dalam usaha ini.

**Soalan 4**  
**Bagaimana anda menaikkan motivasi pelajar yang tidak mahu belajar kerana ketiadaan peperiksaan penting seperti UPSR?**

Untuk meningkatkan motivasi pelajar tanpa peperiksaan penting seperti UPSR, pendekatan yang digunakan termasuk pemberian ganjaran sebagai insentif. Strategi ini melibatkan penggunaan pendedahan langsung, ganjaran fizikal seperti badge, carta ganjaran, dan pujian dari ibu bapa.

G2-32 "Sekiranya pencapaian sangat memberangsangkan, akan diberi button badge."

I2-54 "Contohnya kalau dia dapat result yang baik kan, ataupun dapat TP yang tinggi, kita bagi dia pujian. Bagi pujian sama dia macam "Ehh bagusnya anak mummy dapat markah yang tinggi!"

Ganjaran seperti lencana, carta ganjaran, dan pujian digunakan untuk memotivasi pelajar dalam bilik darjah dan di rumah. Ini bertujuan untuk meningkatkan minat dan usaha pelajar tanpa peperiksaan penting seperti UPSR.

## Perbincangan

### Tema 1: Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pemansuhan UPSR

Tema ini menggambarkan reaksi ibu bapa yang mempunyai anak-anak dalam lingkungan sekolah rendah mengenai pelaksanaan pemansuhan UPSR. Berdasarkan hasil kajian, semua responden ibu bapa menyuarakan pemansuhan UPSR adalah tidak sepatutnya dilaksanakan. Mereka menyatakan kerisauan mengenai penurunan motivasi pembelajaran anak-anak serta bagaimana penilaian PBD ini mampu memberi penilaian yang teliti mengenai akademik anak-anak secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kebaikan pemansuhan UPSR ini turut diulas oleh responden ibu bapa dari segi kesihatan mental di mana mereka dapat menyaksikan pengurangan stres dalam diri anak-anak mereka akibat daripada ketiadaan peperiksaan UPSR.

Namun, ketiadaan kajian lepas yang menekankan topik persepsi ibu bapa terhadap pemansuhan UPSR menghasilkan jurang penyelidikan dalam kajian ini. Justeru, terdapat kekurangan informasi untuk dikaitkan dengan hasil kajian. Berdasarkan kajian oleh Arumugham dan Ariffin (2021) hanyalah menyatakan bahawa pemansuhan UPSR ini mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan ibu bapa tanpa ulasan lanjut.

## **Tema 2: Persepsi Guru Terhadap Pemansuhan UPSR**

Tema ini memaparkan persepsi berlainan mengenai pemansuhan UPSR dari perspektif guru-guru sekolah rendah. Hasil daripada pungutan kajian, terdapat guru sekolah yang menolak pemansuhan UPSR namun tidak dinafikan juga bahawa terdapat guru sekolah yang menyokong pemansuhan UPSR ini. Penolakan pemansuhan UPSR disebabkan kualiti akademik murid-murid sekolah rendah yang terjejas akibat ketiadaan keutamaan peperiksaan penting. Namun, kebaikan pemansuhan UPSR turut diulas seperti penilaian PBD yang berfungsi dalam menilai dan mempromosikan pembangunan holistik dalam kalangan murid sekolah. Murid sekolah bukan sahaja dinilai dari segi akademik tetapi juga bakat dan kemahiran tertentu yang dimiliki.

Peperiksaan UPSR digunakan untuk mengukur prestasi sekolah kerana nilai seperti peratus lulus mata pelajaran, gred purata mata pelajaran, dan gred purata sekolah diperolehi daripada UPSR dijadikan sebagai pengukur tahap pencapaian sekolah (Arumugham dan Ariffin, 2021). Perkara ini menyebabkan penolakan pemansuhan UPSR kerana murid-murid tidak perlu berasa risau atau perlu bersungguh-sungguh dalam pembelajaran untuk mencapai pencapaian terbaik bagi sekolah. Justeru, kualiti akademik murid-murid sekolah rendah semakin terjejas kerana mereka tidak mempunyai hala tuju yang tetap untuk diri mereka. Perkara ini menyebabkan guru dipersoal mengapa tahap prestasi murid-murid semakin menurun.

Pemansuhan UPSR turut mendapat sokongan guru rendah kerana berpendapat bahawa penilaian PBD ini dapat memberi ruang kepada murid-murid untuk meneroka serta mengembangkan potensi diri mereka yang tidak hanya tertakluk kepada peperiksaan semata-mata. Penilaian PBD ini dikatakan merupakan suatu

pendekatan untuk mengurangkan beban peperiksaan kepada murid-murid dan lebih memfokuskan kepada minat dan keseronokan ketika sesi pembelajaran (Arumugham, 2020). Apabila murid berminat dan berasa seronok ketika sesi pembelajaran, mereka akan lebih semangat untuk belajar dan cuba untuk mengaktifkan diri dalam kelas. Sebagai contoh, guru akan membuat pelbagai aktiviti seperti kerja berasaskan kumpulan, pembentangan, sesi soal jawab, dan penerokaan untuk menggiatkan interaksi dalam kelas.

## **Tema 3: Prestasi Dan Motivasi Murid Selepas Pemansuhan UPSR**

Tema ini menjelaskan tahap motivasi dan prestasi murid daripada sudut pandangan ibu bapa dan guru semenjak pemansuhan UPSR terhadap akademik mereka. Dapatan kajian mendampakkan prestasi murid-murid tidak menunjukkan sebarang peningkatan ataupun berada di tahap sederhana.

Ibu bapa kepada murid-murid menyatakan bahawa mereka lebih gemar dan kerap bermain gajet semasa berada di rumah. Perkara ini membuatkan mereka bersikap sambil lewa dan tidak mahu melakukan ulang kaji.

Guru-guru turut melihat motivasi pembelajaran murid semakin terjejas kerana tiada tekanan yang harus difikirkan oleh mereka akibat daripada ketiadaan peperiksaan UPSR. Mereka datang ke sekolah dengan sikap sambil lewa dan tidak mencuba untuk mendalami sesi pembelajaran yang disediakan oleh para guru.

## **Tema 4: Cabaran Yang Dihadapi Ibu Bapa dan Guru Selepas Pemansuhan UPSR dan Peningkatan Silibus**

### ***Pemansuhan UPSR***

Cabaran pemansuhan UPSR ini dapat ditafsirkan sebagai suatu konflik dengan menggunakan "*Social Exchange Theory*". "*Social Exchange*" menurut Homans (1961) ditakrifkan sebagai pertukaran aktiviti, kebendaan yang ketara dan tidak ketara, serta benda yang kurang bermanfaat atau bermanfaat antara dua pihak. Cadangan kelima Homans (1961) dalam merangka kajian tingkah laku menunjukkan individu akan menjadi marah apabila mereka tidak menerima apa yang dijangkakan oleh mereka seperti mendapat kadar pulangan yang tidak adil (Cook et al., 2013). Justeru, perkara ini dapat menimbulkan konflik antara dua individu tersebut.

Dari aspek guru, cabaran yang dihadapi adalah dalam menyediakan kaedah pembelajaran yang berkesan. Penghasilan kaedah pembelajaran yang berkesan terhasil daripada penyediaan bahan-bahan berunsurkan kepada kreativiti dalam kuantiti yang banyak dan sering kali guru juga mengeluarkan wang untuk membeli bahan-bahan kelas untuk digunakan semasa sesi pembelajaran. Jika kesan daripada usaha guru ini tidak selaras dengan jangkaan guru itu di mana murid masih lagi ingin belajar sambil lewa dan tidak memberi fokus dalam kelas, ini akan menimbulkan ketidakpuasan hati atau konflik dalam kalangan guru. Hal ini kerana usaha guru tidak setimpal dengan pencapaian murid yang diharapkan.

Ibu bapa pula menghadapi cabaran apabila tiada "*benchmark*" yang tetap untuk menilai prestasi akademik anak. Penilaian PBD yang bersifat subjektif kerana tiada satu standard pengukuran yang mempunyai kriteria dan prosedur jelas (Roslan, 2023) menyebabkan ramai ibu bapa berasa gusar mengenai kesahihan prestasi akademik anak-anak mereka secara keseluruhan. Ibu bapa juga menyediakan pembelian barangan sekolah dan melakukan pembayaran yuran sekolah yang mempunyai kos tinggi. Perkara ini menyebabkan konflik apabila pencapaian pembelajaran anak tidak mencapai jangkaan ibu bapa akibat pemansuhan UPSR. Justeru, pengeluaran duit dan tahap kerisauan yang tinggi adalah tidak setimpal dengan hasil pencapaian pembelajaran anak-anak.

### ***Penilaian PBD (Pentaksiran Bilik Darjah)***

Cabaran ini memfokuskan kepada aspek guru kerana mereka bertanggungjawab dalam penilaian PBD. Cabaran ini menjadi konflik apabila berlakunya penyalahgunaan penilaian PBD ini. Responden guru ini menyatakan penyalahgunaan PBD berlaku apabila pihak atasan sekolah lebih mementingkan reputasi sekolah secara keseluruhan. Konflik akan berlaku apabila pihak

guru sekolah rendah ingin melakukan penilaiann PBD secara telus tetapi pihak atasan memilih untuk menjaga reputasi sekolah.

Personaliti murid yang berbeza-beza menyebabkan penilaian PBD itu menjadi sukar bagi pihak guru. Pembelajaran berteraskan PBD ini diwujudkan untuk mengukur dan menilai perkembangan murid secara holistik yang melibatkan dari aspek spiritual, ilmu intelektual, emosi, kemahiran berfikir, kemahiran amali, kemahiran kinetik, kreativiti, kesihatan dan kecergasan, amalan nilai murni, kemahiran bersosial (Roslan, 2023) serta penglibatan aktif dalam kelas seperti yang dinyatakan oleh responden guru. Murid yang mempunyai penglibatan tidak aktif dalam kelas akan secara automatik mendapat penilaian rendah dalam PBD. Namun perkara ini akan menimbulkan konflik antara ibu bapa dan pihak guru. Hal ini kerana penglibatan murid yang rendah dalam kelas kerana lebih gemar dengan kaedah “*passive learning*” tidak semestinya harus dikategorikan sebagai murid mempunyai pengetahuan aras rendah. Kesannya, ibu bapa kepada murid boleh mempersoalkan mengapa anaknya diberi penilaian rendah walaupun prestasi akademik yang dipamerkan adalah tidak teruk.

#### ***Silibus Yang “Advanced” dan Susah***

Cabaran penggubalan silibus sekolah yang lebih “*advanced*” dan susah menyebabkan keciciran pendidikan dalam kalangan murid sekolah rendah. Cabaran ini memfokuskan kepada aspek guru juga kerana mereka bertanggungjawab dalam memastikan murid dapat mengikut rentak silibus yang baru ini. Cabaran ini ditafsirkan sebagai konflik dengan menggunakan “*System Theory*”. Teori ini ialah suatu rangka konseptual yang berdasarkan kepada prinsip bahawa setiap bahagian komponen dalam sistem dapat difahami dengan baik dalam konteks hubungan antara satu sama lain dengan sistem lain (Wilkinson, 2011). Bagi konteks ini, “*System Theory*” ini akan dibincangkan berdasarkan hubungan antara pelbagai komponen dalam sistem pendidikan.

Perubahan satu komponen dalam sistem pendidikan contohnya penggubalan kepada silibus yang lebih susah, mendatangkan kesusahan kepada para guru dan murid sekolah. Hubungan silibus yang susah dikaitkan dengan murid yang mempunyai tahap penguasaan berbeza iaitu terdiri daripada aras rendah, sederhana, dan tinggi. Konflik jelas dilihat melalui hubungan ini apabila murid dengan tahap penguasaan tinggi mempunyai peratusan tinggi untuk menguasai konteks silibus yang susah. Namun, sebaliknya bagi murid yang mempunyai aras rendah atau sederhana. Mereka kemungkinan tidak dapat menguasai silibus yang susah tersebut. Kesannya, segelintir murid mula hilang keinginan untuk belajar. Ketidakseimbangan penguasaan silibus ini akan mewujudkan jurang intelektual antara murid.

Dari aspek guru ialah apabila berlakunya penggubalan silibus yang lebih susah, bebanan guru juga semakin bertambah. Guru harus lebih berusaha dan memikirkan cara alternatif yang boleh membantu murid yang menghadapi masalah untuk mengikut rentak silibus yang susah ini. Cabaran ini akan menjadi lebih rumit apabila ramai golongan murid yang tidak mampu untuk menguasai silibus yang susah.

Oleh itu, penggubalan silibus yang lebih selaras dengan tahap umur murid sekolah rendah adalah lebih bersesuaian jika dibandingkan dengan silibus yang susah. Perkara ini bukan membawa maksud untuk mengabaikan potensi dalam pemikiran kritikal, namun jika keciciran pendidikan itu lebih signifikan apabila silibus yang susah diperkenalkan, maka lebih baik penggubalan silibus yang bersesuaian dilakukan dengan adanya selitan-selitan soalan yang boleh menguji tahap pemikiran murid-murid.

#### **Tema 5: Cara Mengatasi Cabaran Dan Konflik Dalam Menghadapi Pemansuhan UPSR Dan Peningkatan Silibus**

##### ***Pemansuhan UPSR***

Cara untuk mengatasi cabaran bagi pemansuhan UPSR ini diaplikasikan oleh kedua-dua ibu bapa dan pihak guru sekolah. Menerusi dapatan responden, pelaksanaan pemansuhan UPSR ini telah menurunkan motivasi murid-murid untuk belajar lalu kualiti pembelajaran terjejas. Ibu bapa dan pihak guru memilih untuk menekankan pemberian ganjaran, dan juga kata-kata pujian untuk memberi suntikan semangat kepada murid-murid apabila mereka mendapat pencapaian yang baik dari segi akademik tanpa mengira saiz pencapaian. Kajian Said et al (2023) memberikan sokongan terhadap pernyataan di atas di mana pemberian ganjaran kepada murid dapat meningkatkan hasil belajar murid seperti memberi makanan ringan mahupun dalam memberi kata-kata pujian apabila memperoleh sesuatu yang cemerlang. Selain itu, ibu bapa dan pihak guru juga sentiasa memberi nasihat dan pendedahan langsung terhadap kepentingan ilmu agar mereka dapat menerapkan nilai keinginan untuk belajar.

##### ***Penilaian PBD (Pentaksiran Bilik Darjah)***

Cabaran dalam penilaian PBD dapat diatasi dengan cara pihak guru haruslah mempelajari bentuk penilaian PBD dengan teliti. Para guru haruslah menetapkan penilaian TP yang bersesuaian di setiap subjek yang diajar berdasarkan kepada pencapaian murid (Roslan, 2023). Tanggungjawab guru dalam pelaksanaan PBD adalah merancang PBD berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), melaksanakan pengajaran dan pentaksiran di dalam bilik darjah, merekod tahap penguasaan murid serta membuat penilaian sendiri untuk menambah baik pengajaran dan pentaksiran (Mohd Roszsi et al., 2023). Pihak guru haruslah berusaha untuk mempelajari penilaian PBD dengan teliti agar penilaian yang terlalu subjektif dapat dikurangkan. Pihak guru juga haruslah sentiasa bersedia untuk beradaptasi dengan cara pembelajaran yang baru. Kajian Marnizam dan Ali (2021), menyatakan bahawa ianya penting untuk guru dalam menyediakan diri dengan ilmu tentang pembinaan instrumen dan kaedah pentaksiran yang pelbagai dalam melaksanakan PBD agar dapat menaikkan lagi pencapaian setiap murid di dalam bilik darjah secara menyeluruh sekali gus murid-murid juga dapat ditafsir dengan baik. Hal ini kerana sistem pendidikan ini tidak akan kekal begitu sahaja sebaliknya ianya akan sentiasa berevolusi mengikut peredaran masa.

Ibu bapa boleh menghantar anak ke pusat tuisyen sebagai kelas tambahan untuk membantu anak yang lemah dalam mata pelajaran tertentu. Pihak guru tidak mampu untuk memantau semua murid sekali gus



pada satu masa yang sama ketika berada di dalam kelas. Oleh itu, ibu bapa sentiasa digalakkan untuk mencari inisiatif lain bagi membantu anak-anak tanpa perlu bergantung sepenuhnya terhadap pengajaran guru di sekolah.

### **Silibus Yang “Advanced” dan Susah**

Cara untuk mengatasi cabaran penggubalan silibus yang semakin “advanced” dan susah ini adalah dengan mengadakan perjumpaan bersama ibu bapa murid-murid. Melalui perjumpaan ini, guru dapat membuat perbincangan bersama ibu bapa mengenai prestasi anak-anak di sekolah dan mengutarakan kelemahan akademik yang dialami oleh anak-anak. Menerusi perbincangan, guru dapat menasihati ibu bapa untuk meluangkan masa dan membantu anak-anak dalam pembelajaran mereka ketika berada di rumah contohnya apabila mereka membuat kerja sekolah. Hal ini kerana seperti yang pernah dibincangkan sebelum ini, guru-guru tidak dapat menumpukan semua perhatian kepada semua murid pada satu masa yang sama lalu menyebabkan terdapat segelintir murid yang masih tidak boleh menguasai sesuatu pengajaran.

Guru-guru juga boleh memanfaatkan teknologi yang sedia ada untuk digunakan dalam sesi *Primary Education Development Program (PEDP)* di sekolah untuk menghasilkan kelas interaktif menarik minat murid-murid untuk belajar dengan lebih semangat dan seronok. Teknologi ini berpotensi besar dan mempunyai kemampuan untuk mengubah persekitaran pengajaran dan pembelajaran apabila digunakan dengan cara betul (Akun & Mohamad, 2020). Contohnya, penggunaan aplikasi “*Youtube*” untuk dijadikan sebagai bimbingan ataupun ilustrasi untuk murid-murid menyelesaikan latihan yang diberi.

### **Limitasi kajian**

Kekurangan peserta dalam kajian ini telah mengakibatkan data yang diperoleh terhad, sekali gus menyukarkan kita untuk membuat kesimpulan bahawa kajian ini mewakili keseluruhan pandangan guru dan ibu bapa. Bagi kajian akan datang, penggunaan kaedah kuantitatif yang lebih meluas adalah disarankan supaya data yang dikumpulkan dapat digeneralisasikan dengan lebih tepat. Selain itu, kajian ini dijalankan dalam tempoh masa yang singkat, yang membataskan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu yang dikaji. Memandangkan pemansuhan UPSR dan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan langkah yang masih baharu, data yang diperoleh mungkin belum cukup terperinci. Justeru, cadangan yang relevan adalah untuk menjalankan kajian longitudinal, iaitu kajian yang dilakukan dalam jangka masa yang lebih panjang, bagi membolehkan kita mengamati perubahan yang berlaku sepanjang tempoh kajian berkenaan.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian ini kita telah mengenalpasti kajian ini cabaran kepada guru dan juga ibu bapa selepas pemansuhan UPSR dan peningkatan silibus yang berlaku selepas UPSR

dimansuhkan. Dalam kajian ini juga, kita telah dapat mengenalpasti bagaimana guru dan ibu bapa berhadapan dengan cabaran-cabaran ini. Kajian ini telah menunjukkan perlunya ada pendekatan yang lebih sistematik dan menyeluruh dalam melaksanakan perubahan dalam sistem pendidikan. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam menangani isu ini kerana masa depan negara kita adalah bergantung dengan generasi akan datang. Akhir kata, kajian ini mendapati bahawa pemansuhan UPSR dan penggunaan PBD mungkin adalah langkah yang baik untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan yang berkesan memerlukan sokongan berterusan, latihan guru, dan strategi yang disesuaikan dengan maklum balas dan penyelidikan. Jika semua pihak bertanggungjawab, perubahan ini akan sangat membantu pelajar dan sistem pendidikan negara secara keseluruhannya.

### **Penghargaan**

Penghargaan ini ditujukan kepada guru-guru dan ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini secara sukarela.

### **Rujukan**

- Ahmad Muhamad. (2021, Disember 3). KPM perlu semak dakwaan silibus pembelajaran sukar. (2021, December 3). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/12/894681/kpm-perlu-semak-dakwaan-silibus-pembelajaran-sukar>
- Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin, & Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2020). Transformasi pendidikan Tahap 1: Peperiksaan ke Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), kesan terhadap autonomi guru. *Isu dan cabaran dalam pendidikan: Strategi dan inovasi*, 274-282.
- Akun, J. C., & Mohamad, F. S. (2020, March). *Ke Arah Keberkesanan Penggunaan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains: Peranan Guru Sebagai Penguasa Pengetahuan*. Konvensyen Transformasi Sekolah 2025 Kementerian Pendidikan Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/339616934\\_Ke\\_Arah\\_Keberkesanan\\_Penggunaan\\_Teknologi\\_Dalam\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_Sains\\_Peranan\\_Guru\\_Sebagai\\_Penguasa\\_Pengetahuan](https://www.researchgate.net/publication/339616934_Ke_Arah_Keberkesanan_Penggunaan_Teknologi_Dalam_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Sains_Peranan_Guru_Sebagai_Penguasa_Pengetahuan)
- Arumugham, K. S., & Ariffin, J. (2021). Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah Dan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Besar. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 80–89. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.2.290>
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152–161. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.175>
- Bernama. (2022, August 9). UPSR, PT3 tidak akan dikembalikan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/08/869856/upsr-pt3-tidak-akan-dikembalikan>
- Cook, K. S., Cheshire, C., Rice, E. R. W., & Nakagawa, S. (2013). Social Exchange Theory. *Handbook of Social Psychology*, 61–88.

- [https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-94-007-6772-0\\_3](https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-94-007-6772-0_3)
- Dewi Nur Harasha. (2023, October 28). UPSR tidak akan dikembalikan - Fadhlina. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/upsr-tidak-akan-dikembalikan-fadhlina-443705>
- Homans, G. C. (1961). *Social Behavior: Its Elementary Forms*. New York : Harcourt, Brace & World.
- Lee Hoi Yeh. (2021). Cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual dengan Pentaksiran Bilik Darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak. *KUPAS SENI Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), 46–57. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.5.2021>
- Marnizam, F. I., & Ali, S. R. (2021). Evaluation of The Implementation of Classroom Assessment (PBD) Among Primary School Mathematics Teachers. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11(2), 81-94. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.2.7.2021>
- Mohd Rosszi, N. S. A., Loo, S. J., Yahya, N. A. H., & Abdul Manaf, N. F. (2023). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 19–37. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/download/367/247>
- Mustaqim Roslan. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam/ Classroom Assessment Method (PBD) And Its Impact on Level One Pupils: Analysis of Islamic Education Subjects. *UMRAN*, 11(1), 63–78. <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- Roslan, M. M. (2023, June). *Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya kepada Murid Tahap Satu di Malaysia: Analisis Subjek Pendidikan Islam*. International Conference of Islamic Universities, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) - Brunei Darussalam. [https://www.researchgate.net/publication/372372409\\_Kaedah\\_Pentaksiran\\_Bilik\\_Darjah\\_PB\\_D\\_dan\\_Kesannya\\_kepada\\_Murid\\_Tahap\\_Satu\\_di\\_Malaysia\\_Analisis\\_Subjek\\_Pendidikan\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/372372409_Kaedah_Pentaksiran_Bilik_Darjah_PB_D_dan_Kesannya_kepada_Murid_Tahap_Satu_di_Malaysia_Analisis_Subjek_Pendidikan_Islam)
- Said, A., Zamri Mahamod, Darayani Johari, Noor Marina Yunus, & Nurhidayah Mat Husin. (2023). Penggunaan Teknik Ganjaran dan Keberkesanannya bagi Menarik Minat Murid dalam Pembelajaran Bahasa Melayu semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. *Melayu*, 16(2), 315–336. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no7)
- Wilkinson, L. A. (2011). Systems Theory. *Encyclopedia of Child Behavior and Development*, 1466–1468. Springer. [https://doi.org/10.1007/978-0-387-79061-9\\_941](https://doi.org/10.1007/978-0-387-79061-9_941)